

## Dasar Anti-Rasuah dan Sogokan Global

*Semua Rakan Sekerja, Pekerja Kontinjen dan Pembekal (tidak termasuk Jerman)*

### 1. Tujuan

Untuk memastikan bahawa:

- JM dan pekerjaanya mematuhi undang-undang anti-rasuah dan sogokan global seperti Akta Rasuah UK (UKBA) dan Akta Amalan Rasuah Asing A.S (FCPA).
- Kami menjalankan perniagaan berdasarkan standard dan nilai-nilai etika yang tinggi yang wajib dipatuhi.

### 2. Definisi

Perkataan	Definisi
<b>Rasuah</b>	Memberi atau menerima wang atau apa-apa perkara lain yang bernilai dengan niat untuk mempengaruhi tindakan/keputusan atau mendapatkan manfaat secara salah. Contoh-contoh rasuah termasuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hadiah (termasuk yang setara dengan wang tunai, seperti kad hadiah)</li> <li>• Kontrak yang menguntungkan</li> <li>• Hospitaliti, seperti makanan, penginapan hotel, tiket atau jemputan ke acara sukan atau kebudayaan</li> <li>• Perbelanjaan promosi lain (seperti perbelanjaan perjalanan dan penginapan)</li> <li>• Pertolongan yang bernilai kepada penerima (seperti tawaran pekerjaan untuk pihak yang terlibat secara langsung atau saudara-mara sesuatu pihak)</li> <li>• Penggunaan perkhidmatan, kemudahan atau harta syarikat dengan bebas</li> <li>• Sumbangan politik</li> <li>• Derma amal</li> </ul>
<b>Sogokan</b>	Penyalahgunaan kuasa untuk kepentingan peribadi. Sogokan boleh terjadi dalam banyak bentuk, seperti penipuan, pemerasan, Bayaran Pemudahan atau Rasuah.
<b>Bayaran Pemudahan</b>	Bayaran atau hadiah tidak rasmi yang dibuat untuk mendapatkan atau mempercepatkan pelaksanaan tugas pegawai kerajaan bagi tindakan atau proses kerajaan yang diperlukan. Tindakan atau proses kerajaan ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada mengeluarkan lesen atau permit, penjadualan pemeriksaan dan memuat/memunggah kargo.

### 3. Dasar

- JM tidak bertolak ansur dengan rasuah atau sogokan.
- Anda tidak boleh menawarkan atau menerima rasuah. Ini turut terpakai bagi rasuah kepada pegawai kerajaan atau bukan kerajaan.
- Anda tidak boleh menggunakan orang atau organisasi lain untuk memberi rasuah bagi pihak JM.
- Anda mesti memastikan pihak ketiga yang bertindak bagi pihak JM dimaklumkan mengenai pendekatan sifar toleransi JM terhadap rasuah/sogokan dan mereka bertanggungjawab mematuhi standard kita. (Sila rujuk kepada Prosedur Perantara Pihak Ketiga.)
- Anda tidak boleh membuat apa-apa jenis Bayaran Pemudahan, walaupun sekiranya ia satu amalan perniagaan biasa di negara anda berada.

- Anda tidak boleh menggunakan dana JM untuk membuat sumbangan politik melainkan diberi kuasa terlebih dahulu secara khusus dan secara bertulis oleh GLT.
- Semua hadiah dan hospitaliti yang diberikan atau diterima mesti mematuhi dasar ini dan Dasar Hadiah, Hospitaliti dan Derma Amal (GH&C).
- Anda mesti melaporkan mana-mana tindakan rasuah/sogokan yang disyaki atau diyakini kepada Pasukan Perundangan atau menerusi proses Bersuara.
- Pasukan Etika dan Pematuhan Kumpulan akan memantau semua tindakan Bersuara dan laporan ke Panel Etika, kecuali apabila terdapat konflik di pihak mereka, yang akan dirujuk terus kepada Panel Etika atau Suruhanjaya Audit dengan sewajarnya.

#### 4. Pengecualian

Pembayaran yang melanggar dasar ini boleh dibuat berdasarkan pengecualian apabila anda atau pekerja JM lain menghadapi ancaman kemudaratan seperti kehilangan nyawa atau kecederaan diri. Seboleh mungkin, anda harus memaklumkan pasukan Etika & Pematuhan Kumpulan berserta dengan pengurus anda sebelum melakukan apa-apa tindakan.

#### 5. Akibat Pelanggaran

Mana-mana pelanggaran polisi ini boleh mengakibatkan tindakan disiplin, termasuk penamatan pekerjaan.

#### 6. Rujukan

##### 6.1 Dasar Berkaitan

- Kod Etika: Melakukan Perkara Yang Betul <https://matthey.com/about-us/governance/code-of-ethics>
- Dasar Hak Asasi Manusia Global [Dasar Hak Asasi Manusia Global.docx](#)
- Dasar Bekerjasama Global [Polisi Bekerjasama Global.docx](#)

##### 6.2 Prosedur yang Berkaitan

- Prosedur Perantara Pihak Ketiga [Third party intermediary procedure](#)

##### 6.3 Panduan Berkaitan

- Panduan Bersuara [Speak up guide](#)

#### 7. Lampiran

##### 7.1. Tanggungjawab dokumen

Peranan Dokumen	Peranan dalam perniagaan dan nama
Pemberi Kelulusan (Penaja GLT)	Penasihat Undang-undang & Setiausaha Syarikat
Pemilik	Peguam Am, Kumpulan
Penulis	Ketua Jabatan Program & Operasi